

Banjir landa dua kampung

IPOH - Beberapa penduduk di Kampung Piandang, Siputeh di Tronoh dan Kampung Changkat Tin, Kampar terjejas selepas dilanda banjir kilat, kelmarin.

Penduduk berkata, kejadian tersebut kerap berlaku setiap kali hujan lebat akibat dan mendakwa kegagalan pihak berwajib mengatasi masalah perparitan sempit dan tidak sempurna sebagai punca.

Di **Kampung Piandang**, penduduk, Menurut seorang penduduk, Che Nah Alang Mat Kasim, 79, saluran air yang sempit merupakan punca utama banjir kerap berlaku di kawasan berkenaan.

"Baru saja Selasa lepas rumah saya banjir. Minggu ni banjir lagi, selang seminggu saja.

"Banyak perabot rumah rosak, almari pun dah 'lekap'. Bila hujan lebat lebih setengah jam saja, mesti banjir," katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, banjir dipercayai berpunca dari aliran Sungai Bangkong yang tidak mengalir dengan lancar dan tersekat di laluan berhampiran rumah penduduk lalu menyebabkan air bertakau di kawasan tersebut.

Di **Changkat Tin**, penduduk



Penduduk Kampung Piandang, Siputeh resah kediaman mereka dilanda banjir empat kali tahun ini.

gusar kerana kediaman mereka kerap ditenggelami air setiap kali hujan lebat.

Saha Hisham Ismail, 45, berkata, rumahnya sudah banyak kali dimasuki air, namun sehingga kini masalah terbabit masih belum selesai walaupun laporan telah dibuat.

"Air bertakung di kawasan rumah saya sebab tiada pengaliran air di sini. Saya ada juga buat aduan sebelum ini tapi masih lagi tiada tindakan.

"Saya dapat tahu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ada terima laporan kami dan mereka akan cuba selesaikan masalah kami," katanya.

Sementara itu, JPS, Mior Zainal Mior Sharif ketika dihubungi menegaskan, banjir di kampung itu berpunca dari *culvert* sempit dan rumput panjang yang menghalang pengaliran air dengan lancar.

"*Culvert* (pembetung) itu tidak boleh menampung terlalu banyak air. Jadi, air yang bertakung menyebabkan kawasan berhampiran situ banjir.

"Kita ada terima cadangan dari penduduk untuk besarkan *culvert* dan melakukan pembersihan setahun sekali. Kita boleh pertimbangkan tetapi mereka perlu hantar surat kepada pihak kami," katanya.